



بروني دارالسلام سنترال بڠكا
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

**NATIONAL
SAVINGS DAY**

JENIS-JENIS PEMBAYARAN DIGITAL

Berikutan perkembangan teknologi, pengurusan kewangan secara digital telah menjadi lebih penting dan relevan. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan tahap celik kewangan digital, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) sukacita mengongsikan artikel bersiri yang menentang perkhidmatan kewangan digital di Negara Brunei Darussalam.

Dalam artikel ini, kami akan mengongsikan pelbagai pilihan pembayaran digital yang terdapat di Negara Brunei Darussalam, yang menjadikan urusan lebih mudah, lebih selamat dan lebih cepat bagi semua pengguna.

1. Terminal Layan Diri

Terminal layan diri atau self-service terminals seperti Mesin Juruwang Automatik (ATM) dan Mesin Deposit Tunai (CDM) boleh menawarkan alternatif tanpa sentuh (contactless) untuk transaksi perbankan penting. Awda boleh menggunakan laman web dan aplikasi mudah alih bank awda untuk mencari ATM dan CDM berdekatan, agar awda boleh melakukan urusan perbankan awda pada bila-bila masa.

2. Perbankan Dalam Talian

Perbankan dalam talian membolehkan awda mengelakkan beratur panjang dan memberikan kemudahan dengan beberapa klik sahaja. Awda boleh membayar bil, memindahkan wang dan mengurus akaun awda dari mana sahaja dengan menggunakan komputer atau telefon pintar awda.

3. Pembayaran Tanpa Sentuh

Contoh pembayaran tanpa sentuh termasuk mengimbas kod QR menggunakan telefon pintar awda, atau menggunakan kad debit dan kredit yang dilengkapi dengan teknologi Near Field Communication (NFC). Kaedah pembayaran yang tidak melibatkan sentuhan atau pemberian wang tunai ini menjadi cara popular untuk membuat pembayaran dengan selamat dan cepat.

4. Gerbang Bayaran

Membeli-belah dalam talian telah menjadi mudah dan selamat dengan adanya Gerbang bayaran serta perkembangan dan peningkatan platform e-dagang. Awda boleh membeli belah dari mana sahaja dengan selesa dan mudah. Walau bagaimanapun, pastikan awda sentiasa menyemak sama ada laman sesawang atau platform e-dagang adalah sah sebelum membuat sebarang pembelian untuk memastikan wang awda selamat.

Dalam usaha kita bagi melangkah ke era digital perkhidmatan kewangan, adalah penting bagi orang ramai untuk sentiasa maklum serta mengambil kesempatan terhadap kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh pembayaran digital. Sama ada menggunakan terminal layan diri atau mencuba produk/perkhidmatan FinTech baharu, menggunakan teknologi boleh membantu awda mengurus wang awda dengan lebih baik dan berasa lebih terkawal. Dengan mempelajari cara menggunakan alat kewangan digital secara bertanggungjawab, kita boleh menyumbang ke perubahan digital yang boleh memacu perkembangan ekonomi di Negara Brunei Darussalam.

Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi 8318388 atau e-mel di info@bdcg.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 8 Zulhijjah 1445H/ 15 Jun 2024M

Rujukan: BDCB/COMMS/7